

Memulih integriti penguat ku

u m 20104108 m/s 10

❑ **SEDUTAN** teks ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa merasmikan Dialog Integriti ASEAN 2008, semalam.

SESUNGGUHNYA, pada kebanyakan masyarakat, peningkatan etika dan integriti membentuk satu cabaran sangat besar. Ini terutamanya bagi negara-negara sedang membangun yang perlu mengejar matlamat ini di samping mempromosi pembangunan ekonomi yang kukuh dan mapan.

Amat menyedihkan, adalah jarang etika dan integriti untuk berjalan seiring dengan usaha mengejar kemewahan.

Sesungguhnya, ada yang cuba menegakkan kebenaran bahawa kesilapan di dalam etika dan integriti adalah harga yang perlu dibayar bagi pembangunan ekonomi yang pantas.

Bagaimanapun saya percaya bahawa proses mengejar pembangunan dan integriti tidak boleh menjadi *zero-sum game*.

Sesungguhnya, pemikiran baru di kalangan ahli ekonomi ialah pematuhan urus tadbir yang baik akan menghasilkan kesan positif untuk jangka panjang. Integriti merupakan pelaburan jangka panjang yang lebih berbaloi yang mesti diambil oleh semua orang, terutama bagi negara-negara sedang membangun.

Sepanjang 40 tahun lalu, ASEAN telah menyediakan platform yang bagus bagi kerjasama politik dan ekonomi. Untuk masa hadapan, saya berharap agar dapat melihat ASEAN menjadikan aktiviti-aktivitinya lebih berpusatkan masyarakat.

Kita perlu memastikan proses mempromosi kerjasama serantau turut memasukkan program-program memperkukuhkan integriti dan urus tadbir yang baik.

Jika penyatuan dalam kepelbagaian membentuk Piagam ASEAN, marilah kita menjadikan etika dan integriti sebagai nilai bersama.

Sesungguhnya, proses untuk membina masyarakat yang terdiri daripada individu dengan karakter bertaraf tinggi dan teguh moralnya bukanlah tugas yang mudah.

Nilai-nilai seperti etika dan integriti ada-



ABDULLAH Ahmad Badawi memberi ucapan semasa merasmikan 'Dialog Integriti ASEAN 2008' di Institut Integriti Malaysia, semalam.

terdiri daripada pemimpin-pemimpin perkhidmatan awam dan swasta, untuk memudahkan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Sebagai tambahan, kami turut menggalakkan sektor swasta untuk mengamalkan urus tadbir korporat.

Dari sisi menghukum, kami memfokuskan perhatian kepada menghukum mereka yang terlihat dalam aktiviti rasuah. Initeh dipor-

➔ Mereka menegaskan tentang perlunya pengasingan kuasa yang jelas di antara institusi kerajaan serta ketelusan dan akauntabiliti awam yang tinggi tarafnya di peringkat agensi-agensi penguat kuasa

Uasa

menggerakkan usaha-usaha penguatkuasaan dan membawa suruhanjaya baru ini ke tahap seterusnya supaya setanding dengan yang terbaik di dunia.

Inisiatif ketiga yang dilaksanakan oleh kerajaan saya ialah memperkenalkan undang-undang untuk menyediakan perlindungan komprehensif bagi pemberi maklumat dan saksi. Adalah menjadi harapan kami bahawa dengan perlindungan yang lebih baik, lebih ramai orang akan tampil untuk melaporkan tentang rasuah, supaya keadilan dapat ditegakkan.

Kerajaan saya akan mengambil langkah segera untuk meningkatkan proses pemerolehan awam melalui langkah-langkah yang menyasar dan menangani masalah-masalah tertentu dalam sistem. Saya telah mengarahkan Ketua Setiausaha Negara untuk bekerjasama dengan pasukan Pemudah untuk merumuskan rangka kerja ke arah meningkatkan proses pemerolehan awam, menjadikannya lebih telus dan bertanggungjawab.

Dengan keanggotaan dari sektor awam dan swasta serta mandat untuk memudah cara urusan, saya percaya Pemudah adalah jentera paling ideal untuk memastikan penambahbaikan dalam sistem pemerolehan awam.

Memang tiada keraguan bahawa kerajaan saya amat komited untuk menghapuskan rasuah. Tiada keraguan juga kita komited untuk memperbaharui kepercayaan masyarakat terhadap institusi dan sistem integriti kebangsaan di negara kita. Sesungguhnya, kita akan memastikan bahawa empat inisiatif utama antirasuah yang baru diumumkan tadi akan diberi keutamaan penuh dalam tempoh terdekat ini.

Saya ingin melihat semua inisiatif ini dilaksanakan segera, selewat-lewatnya sebelum akhir tahun ini. Saya mengakui cabaran-cabaran dan kerumitan tugas ini - ia melibatkan perubahan-perubahan dalam undang-undang serta pemprosesannya, begitu juga dalam peningkatan sumber manusia. Ini adalah perkara yang mesti kita tangani segera, oleh itu kita boleh terus memberi khidmat terbaik kepada rakyat. Kepada semua rakyat Malaysia, saya berharap akan mendapat sokongan untuk melaksanakan langkah ini.

Kepada rakan-rakan ASEAN, saya berharap pengalaman Malaysia akan menjadi panduan berguna. Saya berharap saya telah berjaya menunjukkan kepada anda pelbagai elemen dan kesukaran-kesukaran yang terpaksa ditempuh untuk melaksanakan agenda antirasuah dan meningkatkan integriti dengan jayanya seku-

Nilai-nilai seperti etika dan integriti adalah sukar difahami. Ia tidak boleh menjadi subjek dalam undang-undang, tidak juga ia boleh menjadi undang-undang untuk dikuatkuasakan.

Etika dan integriti tidak boleh diajar dengan sendirinya. Ia mesti berputar dalam sistem agama dan budaya kita sendiri dan sistem nilai, begitu juga dalam usaha kita mengaitkannya dengan faktor-faktor lain dalam masyarakat.

Semua ini membuatkan promosi etika dan integriti sukar untuk dikejar. Ia kekal sebagai dua ciri paling kritikal yang membentuk barometer dalam pembangunan masyarakat dan menjadi perhatian utama kita semua.

Untuk dua hari akan datang, saya difahamkan anda semua akan berbingang mengenai isu bagaimana ASEAN sebagai rantau boleh bekerjasama untuk memperkukuhkan integriti di dalam masyarakat masing-masing. Saya percaya bahawa pengalaman Malaysia dalam masalah ini baru-baru ini mungkin mengandungi maklumat dan berguna untuk kejiranan ASEAN.

'Memperkukuhkan Integriti dan Meningkatkan Kepercayaan' - tema kita untuk tahun ini - mengambil sempena semangat aspirasi Malaysia untuk mempromosi integriti dan memerangi rasuah di dalam negara.

Oleh itu, izinkan saya dengan rasa rendah diri berkongsi pengalaman negara kami dengan harapan ia menjadi panduan bagaimana kami sebagai sebuah negara dan sebagai rantau mampu melonjakkan agenda ini ke hadapan.

Ketika saya mengambil alih jawatan Perdana Menteri di negara ini, saya berjanji untuk melaksanakan tadbir urus yang baik dan memerangi rasuah. Sepanjang tempoh empat tahun lepas, kerajaan saya secara bersungguh-sungguh telah melaksanakan dua strategi menghukum dan mencegah untuk memerangi rasuah.

Sebagai langkah pencegahan, kami telah membangunkan Pelan Integriti Nasional sebagai garis panduan memandu usaha kami. Kami telah menubuhkan Institut Integriti Malaysia untuk mendidik dan menggalakkan masyarakat kami supaya menegakkan integriti dan mengamalkan nilai-nilai murni.

Kami turut menumpukan usaha meningkatkan sistem penyampaian awam - mengurangkan birokrasi - dengan sasaran mengurangkan peluang berlakunya rasuah. Antara tindakan lain, kami menubuhkan Pemudah, unit penguat kuasa khas yang

terlibat dalam aktiviti rasuah. Ini telah diperluaskan dengan usaha kami untuk meningkatkan kapasiti, kecekapan dan keberkesanan Badan Pencegah Rasuah (BPR), pihak polis, dan badan kehakiman. Saya ingin menjelaskan peranan utama Akademi Antirasuah Malaysia (MACA) yang saya lancarkan tahun lepas, bertujuan melengkapkan pegawai-pegawai kami dengan kemahiran moden dan teknik terkini dalam menentang rasuah. Saya berbangga untuk menyatakan bahawa MACA, dengan sokongan negara-negara ASEAN, OECD dan Bank Pembangunan Asia, telah menjadi pusat latihan antirasuah utama di rantau ini.

Bersungguh-sungguh

Strategi serampang dua mata, yang digabungkan dengan usaha bersungguh-sungguh, hari ini telah menghasilkan beberapa keputusan positif. Sebagai contoh, hasil kesedaran yang tinggi, lebih ramai rakyat Malaysia tampil untuk melaporkan sebarang aktiviti rasuah.

Ini telah menyaksikan peningkatan penahanan berkaitan rasuah telah dibuat. Malah, bilangan mereka yang ditahan turut meningkat sehingga 54 peratus sepanjang tujuh tahun lalu.

Lebih penting, menerusi penyiasatan dan pendakwaan yang lebih baik, peratusan tinggi mereka yang ditahan kini telah berjaya disabitkan kesalahan. Kadar sabit kesalahan daripada penahanan berkaitan rasuah tahun lalu adalah sebanyak 78 peratus, meningkat 28 peratus hanya dalam tempoh lima tahun.

Bagaimanapun, di sebalik usaha terbaik kami, tanggapan masyarakat terhadap kami seolah-olah menurun. Pastinya, rakyat hari ini terpelajar dan berfikiran lebih sofistikated, serta lebih terbuka dan kritis dalam menyuarakan kehendak mereka. Sementara rakyat Malaysia mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap agenda antirasuah kita sebagai bergerak pada landasan yang betul, mereka juga mahu melihat lebih banyak tindakan yang pantas dan lebih tegas diambil.

Untuk itu, kami telah mengumpul maklum balas orang awam mengenai usaha kami menentang rasuah. Setakat ini, maklum balas awal menunjukkan kekecewaan orang awam dengan situasi ini berpunca tiga punca utama.

Pertama, orang ramai merasakan bahawa institusi dan rangka kerja undang-undang antirasuah masih lemah dari segi struktur-

nya, dan dengan itu ia mudah disalahgunakan. Mereka menegaskan tentang perlunya pengasingan kuasa yang jelas di antara institusi kerajaan serta ketelusan dan akauntabiliti awam yang tinggi tarafnya di peringkat agensi-agensi penguat kuasa.

Kedua, persepsi bahawa penguatkuasaan antirasuah adalah lembap dan tidak konsisten. Ada yang berkata, 'ikan besar' dilindungi, manakala 'anak bilis' berhadapan dengan tindakan undang-undang yang keras. Pemberi maklumat juga dikatakan tidak mendapat perlindungan secukupnya. Malah persepsi menjadi lebih jauh sehingga menuduh agensi-agensi penguatkuasaan selalunya akan mencari pemberi maklumat daripada memfokuskan kepada menyiasat dakwaan sebenar.

Ketiga, banyak orang merasakan sistem pemerolehan awam sedia ada dan prosedur menganugerahkan kontrak kerajaan, penuh dengan peluang-peluang untuk rasuah.

Sesungguhnya, memerangi rasuah adalah proses yang panjang dan sukar dilaksanakan serta penuh dengan cabaran dan halangan. Namun demikian, saya ingin menegaskan kesungguhan kerajaan saya dan pandangan peribadi saya untuk terus memerangi rasuah dan akan memperuntukkan sumber-sumber yang diperlukan untuk menyokong usaha tersebut.

Saya ingin mengumumkan empat inisiatif utama pemuliharaan bagi menangani keprihatinan umum mengenai antirasuah termasuk institusi antirasuah, penguatkuasaan, rangka kerja undang-undang dan pemerolehan awam.

Pertamanya, saya ingin mengumumkan bahawa kerajaan saya akan menstruktur semula Badan Pencegah Rasuah Malaysia menjadi Suruhanjaya Antirasuah Malaysia.

Untuk meningkatkan keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti awam, struktur baru suruhanjaya akan ditubuhkan mengambil kira satu sistem *checks and balances* yang berkesan.

Elemen utama sistem ini ialah penubuhan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah yang bebas. Lembaga akan terdiri daripada tokoh-tokoh terkemuka dalam masyarakat yang dilantik oleh Yang di-Perutusan Agong atas nasihat Perdana Menteri.

Ahli-ahli lembaga akan menasihati suruhanjaya berhubung perkara-perkara pentadbiran dan operasi. Lembaga juga akan diberi taklimat mengenai kes-kes yang melibatkan kepentingan awam dan bertolak dari situ, ia boleh menyelidiki atau mencajangan langkah-langkah tertentu dilaksa-

nakan.

Paling penting, lembaga akan memberi jaminan kepada orang awam bahawa kes-kes berkepentingan awam akan diselesaikan dengan tepat dan mencukupi.

Pada masa yang sama satu jawatankuasa pencegahan rasuah di peringkat Parlimen akan ditubuhkan. Suruhanjaya akan membentangkan laporan tahunannya kepada jawatankuasa Parlimen, di mana setiap anggota jawatankuasa boleh mendapatkan penjelasan serta penerangan lanjut mengenai isi kandungan laporan tersebut.

Jawatankuasa Parlimen oleh itu akan bertindak sebagai satu lagi saluran untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti awam berada pada tahap yang lebih tinggi. Terma-terma rujukan serta mekanisme suruhanjaya yang dicadangkan itu kini sedang diperincikan oleh BPR dan akan diumumkan tidak lama lagi.

Saya sentiasa percaya bahawa BPR mesti diberi kebebasan untuk melaksanakan tanggungjawabnya berikutan bidang kuasanya yang penting. Malah, salah satu kenyataan pertama saya mengenai BPR ialah supaya ia menjalankan tanggungjawab tanpa rasa gentar atau memihak kepada sesiapa.

Keberkesanan

Saya masih berpegang kepada kenyataan itu dan tidak pernah campur tangan dengan kerja-kerja BPR. Saya bersungguh-sungguh mengharapkan dengan penstrukturan semula BPR, keberkesanan, ketelusan dan akauntabilitinya akan dapat ditingkatkan, manakala kepercayaan masyarakat terhadap kebebasan serta integritinya dapat segera diperbaharui.

Keduanya, untuk mendorong usaha penguatkuasaan antirasuah, adalah amat penting untuk keupayaan suruhanjaya baru ini ditingkatkan. Oleh itu saya mengumumkan untuk tempoh lima tahun akan datang, saiz pasukan penguatkuasaan BPR akan diperbesar menjadi tiga kali ganda, menambah 5,000 pegawai berbanding 2,000 orang sekarang.

Sebagai tambahan, suruhanjaya akan mempunyai terma-terma perkhidmatan serta imbuhan yang baru bagi menarik lebih ramai individu yang berbakat dan berdedikasi untuk menyertai BPR.

Suruhanjaya akan diberi kuasa untuk melantik dan memecat, dan pelantikan akan dibuat berasaskan kepada proses pemilihan yang komprehensif. Menerusi perubahan-perubahan ini, kita berharap akan dapat

meningkatkan integriti dengan jayanya sekurang-kurangnya di peringkat nasional. Saya telah menegaskan kepentingan mewujudkan persekitaran yang betul untuk integriti berakar umbi dan berkembang.

Sebagai anggota ASEAN, Malaysia menggesa semua negara anggota untuk bekerjasama memberi sokongan dan mengukuhkan integriti. Mari kita mewujudkan dunia yang lebih adil saksama, di mana yang lemah dilindungi dan yang majoriti dipimpin ke jalan yang benar. Mari kita bina ASEAN yang kuat dan berdaya saing, mempraktikkan urus tadbir yang baik dan memulihara etika serta integriti.